

APA YANG ANDA PERLU LAKUKAN?



Ibu bapa menjawab soal selidik



Pemakaian *Actigraph* pada kanak-kanak

Kanak-kanak menjawab soalan Ravens



Actigraph merupakan alat yang digunakan untuk mengesan pergerakan badan.

- Anak anda dikehendaki memakai *Actigraph* untuk **7 hari berturut-turut**.
- *Actigraph* tidak akan memberikan sebarang kesan sampingan mahupun menyakitkan anak anda.
- Sekiranya anda mengizinkan anak anda menggunakan Actigraph, sila lengkapkan Surat Akujanji Kajian *Actigraph*.



Pengukuran antropometri kanak-kanak

- Tinggi
- Berat
- Dan lain-lain ukuran

Sekiranya ada sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Prof. Dr. Poh Bee Koon
Ketua projek,
ToyBox Study Malaysia,
Program Sains Pemakanan,
Fakulti Sains Kesihatan,
Universiti Kebangsaan Malaysia.
Tel: 03-9289 7686

Noor Hafizah Yatiman
Tel: 03-9289 7685/ 017-2195960

Wan Nurul Najwa Wan Nik
Tel: 014-5473816

Muhammad Zulhanif Mohd Haron
Tel: 013-5994548

Terima Kasih



**TOY
BOX
MALAYSIA**



Terokai gerak dan rasa

HARI PENERANGAN PROGRAM TOYBOX STUDY MALAYSIA



MAKLUMAT UNTUK IBU BAPA/ PENJAGA

ToyBox Study Malaysia: Menyemai Tingkahlaku Gaya Hidup Sihat dalam kalangan Kanak-Kanak Prasekolah di Tabika KEMAS.

Pengenalan

Projek ini dijalankan untuk menyemai Tingkahlaku Gaya Hidup Sihat dalam kalangan kanak-kanak prasekolah. Peringkat prasekolah merupakan tempoh kritikal di mana pertumbuhan fizikal, mental dan emosi individu berkembang pesat.

Oleh itu, semasa tempoh kritikal inilah perlu disemai dan dipupuk pengetahuan dan sikap mereka untuk mencapai manfaat kesihatan jangka panjang serta mengurangkan risiko penyakit kronik di masa dewasa mereka akan datang.

Kanak-kanak seharusnya membudayakan gaya hidup dan pemakanan sihat seawal yang mungkin untuk menjamin kesejahteraan hidup.


ToyBox Study Malaysia merupakan program prasekolah yang melibatkan keluarga di mana ia memfokus kepada empat sikap utama iaitu:




Minum air



Pengambilan makanan dan snek sihat



Aktiviti fizikal



Mengurangkan tingkah laku sedentari

Oleh yang demikian projek ini bertujuan untuk menilai keberkesanan program ToyBox Study Malaysia dalam memupuk gaya hidup sihat dalam kalangan kanak-kanak prasekolah di Lembah Klang dan Sarawak.

Risiko

Kesemua pengukuran dan penilaian yang dibuat dalam penyelidikan ini tidak akan memberi sebarang kesan sampingan.

Kerahsiaan

Keputusan yang diperolehi akan dimaklumkan secara keseluruhan (kolektif) dan tidak akan merujuk pada nama individu. Justeru maklumat dan keputusan dari setiap individu adalah sulit. Sebagai ibu bapa/ penjaga, anda berhak mengetahui keputusan anak anda sahaja.

Perlukah anak saya mengambil bahagian?

Tabika anak anda telah terpilih untuk mengikuti Program ToyBox Study Malaysia. Oleh itu anak anda adalah digalakkan untuk menyertai projek ini. Walau bagaimanapun, penglibatan anak anda dalam projek ini adalah secara sukarela. Sekiranya anda tidak setuju anak anda mengambil bahagian, anda tidak perlu memberikan sebab. Anak anda juga boleh menarik diri pada bila-bila masa sahaja.

Bayaran dan pampasan

Anak anda akan diberi saguhati serta sijil sebagai penghargaan terhadap penglibatan dalam penyelidikan ini. Tiada yuran akan dikenakan.

Faedah penyelidikan

1. Melalui penyelidikan ini, anda dapat mengetahui status pemakanan dan aktiviti fizikal anak anda.
2. Penyelidikan ini juga dapat meningkatkan pemahaman terhadap faktor-faktor persekitaran ke atas aktiviti fizikal kanak-kanak prasekolah.
3. Penyelidikan ini dapat mengubah sikap anak anda kearah gaya hidup yang lebih sihat

TEROKAI GERAK DAN RASA

